

Malaysia akan hilang daya tarikan di Asia Tenggara jika tidak sertai TPPA

Ancaman Vietnam, Singapura

■ KUALA LUMPUR 22 DIS.

MALAYSIA bakal kehilangan daya tarikan pelabur kepada Vietnam dan Singapura sekiranya tidak menyertai Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA).

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade), Datuk Dzulkifli Mahmud berkata, hal ini kerana perjanjian itu akan menawarkan keterbukaan dan akses pasaran yang lebih besar kepada sesebuah negara TPPA sekali gus menarik minat pelabur antarabangsa.

Menurutnya, Vietnam dan Singapura yang turut terlibat dalam pembentukan TPPA dilihat sebagai pesaing rapat Malaysia dari segi destinasi tumpuan pelabur antarabangsa di rantau Asia Tenggara.

Keadaan itu, katanya, berisiko membuatkan pelabur-pelabur asing sedia ada di negara ini memindahkan aset pelaburan mereka ke kedua-dua negara itu.

“Malah Malaysia bakal kehilangan lebih banyak daya tarikan

pelabur jika negara-negara lain yang dilihat sebagai pesaing turut menyertai perjanjian itu.

“Ketika ini Thailand, Indonesia, Korea Selatan serta Filipina juga telah mula menunjukkan minat untuk menyertai TPPA,” katanya semasa menjadi ahli panel Kongres Muda 2015 di sini hari ini.

Yang hadir sama, Penyelidik Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS), Firdaos Rosli dan Pensyarah Ekonomi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Jamal Othman.

Kedua-duanya merupakan antara tenaga yang menyediakan analisis kos faedah bagi menilai baik buruk penyertaan Malaysia di dalam TPPA.

Malaysia merupakan salah sebuah daripada 12 negara yang telah memuktamadkan perbincangan pembentukan TPPA pada bulan lalu.

Sebelas buah negara lain ialah Brunei, Amerika Syarikat (AS), Kanada, Mexico, Vietnam, Singapura, Jepun, Australia, New Zealand, Peru dan Chile.

Tambah Dzulkifli, meskipun terdapat usahawan bumiputera

melahirkan rasa takut terhadap penyertaan Malaysia di dalam TPPA, namun, negara tidak boleh mengabaikan kepentingan perjanjian itu kerana ia juga memudahkan syarikat-syarikat Malaysia mendapat akses ke pasaran asing yang sebelum ini sukar ditembusi terutama AS.

“Malaysia sebuah negara perdagangan, kita amat bergantung terhadap perdagangan. Syarikat-syarikat tempatan sebaliknya perlu melihat ini merupakan peluang kepada mereka untuk menjalankan perniagaan di negara lain.

“Telah dibuktikan ada syarikat-syarikat bumiputera yang mengeksport barangan masing-masing ke pelbagai negara,” katanya.

Jelas beliau lagi, peluang yang diperoleh usahawan-usahawan tempatan melalui TPPA adalah luas dan bukan sekadar berbentuk barang atau produk akhir semata-mata.

Katanya, melalui TPPA, usahawan tempatan atau rakyat Malaysia boleh mengambil kesempatan untuk mengeksport barangan berbentuk kandungan digital, kraftangan serta hasil kesenian.



DZULKIFLI MAHMUD (duduk, kanan) memberikan tumpuan kepada pembentangan Firdaos Rosli (kiri) ketika sesi perbincangan mengenai “Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik: Bumiputera Perlu Acuan Baru” dalam Kongres Muda 2015 di Kuala Lumpur, semalam. Turut menjadi ahli panel ialah Prof. Dr. Jamal Othman (tiga dari kanan) manakala Syfik Idzywan Sidek (dua dari kanan) bertindak sebagai moderator. - UTUSAN/FARID JANUDIN